



SIARAN MEDIA

ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2023: BUKTI PBT KOMITED DALAM PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), melalui Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) telah menganjurkan Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon Malaysia 2023 untuk mengiktiraf usaha dan komitmen berterusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan organisasi dalam memajukan pembangunan bandar yang mampan dan rendah karbon. Ia juga selaras dengan komitmen negara mencapai sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2030 dan menyokong aspirasi negara mencapai pelepasan karbon sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad menegaskan kepentingan pembangunan lestari dan peranan penting PBT serta kerjasama strategik daripada pelbagai pihak amat diperlukan untuk mencapai matlamat bandar rendah karbon dan visi yang lebih luas untuk Malaysia Madani.

“Peranan PBT juga amat signifikan dalam memupuk budaya dan gaya hidup lestari, mengambil kira pandangan dan keperluan pelbagai lapisan masyarakat serta melibatkan masyarakat setempat secara aktif dalam melaksanakan pembangunan yang lestari dan inklusif,” katanya sewaktu berucap melancarkan Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023 hari ini.

Penerima anugerah terdiri daripada PBT dan organisasi yang telah melaksanakan inisiatif pengurangan pelepasan GHG menerusi program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (Low Carbon Cities 2030 Challenge - LCC2030C).

Pengiktirafan bagi tahun 2023 melibatkan penganugerahan 85 Pengiktirafan Diamond (*Diamond Recognition*) bagi pencapaian pengurangan pelepasan karbon dalam lima (5) elemen utama, iaitu tenaga, air, sisa, mobiliti dan kehijauan. Di samping itu, dua (2) pengiktirafan Reka Bentuk Diamond (*Diamond Design*) yang berpotensi mengurangkan kadar pelepasan GHG melalui pelaksanaan strategi bandar rendah karbon di peringkat reka bentuk. Manakala, penganugerahan 15 Sijil Provisional (*Provisional Certificate*) turut diberikan atas usaha pembangunan data penanda aras dan plan tindakan rendah karbon dalam kawasan zon dan rakan kongsi rendah karbon selain empat (4) Anugerah Khas.

Jumlah pengurangan pelepasan GHG yang dicatatkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 3,030,397.07 tan karbon dioksida setara dan jumlah penyerapan karbon (*carbon sequestration*) yang dicapai melalui inisiatif ini juga adalah sebanyak 45,195.22 tan karbon dioksida yang bersamaan dengan penanaman sebanyak 76,889,807 juta batang pokok atau pengurangan 665,765 buah kereta dari jalan raya selama setahun, dengan anggaran perjalanan tahunan kereta sebanyak 28,184km.

Penyertaan LCC2030C bagi pengiktirafan tahun 2023 kini dibuka sehingga 30 Ogos 2024. PBT, pemaju, universiti, pemilik bangunan dan pihak berkepentingan yang berkaitan digalakkan untuk menyertai LCC2030C.

Turut hadir bersama di Majlis Anugerah tersebut adalah Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri NRES; YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES, dan YBrs. Ir. Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MGTC.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

7 FEBRUARI 2024